

|                                    |   |   |
|------------------------------------|---|---|
| JAWATAN                            | : | PEGAWAI PSIKOLOGI   |
| KUMPULAN PERKHIDMATAN              | : | PENGURUSAN DAN PROFESIONAL  |
| GRED JAWATAN                       | : | S9  |
| GRED GAJI                          | : | GAJI MINIMUM      GAJI MAKSIMUM      KENAIKAN GAJI TAHUNAN<br>RM2,470.00            RM11,110.00            RM225.00   |
| SYARAT LANTIKAN                    | : | <p>1. (i) Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian dalam bidang Psikologi, Psikologi Klinikal atau Kaunseling yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.<br/>(Gaji permulaan ialah pada Gred S9: RM2,470.00); atau</p> <p>(ii) Ijazah Sarjana dalam bidang Psikologi, Psikologi Klinikal atau Kaunseling yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.<br/>(Gaji permulaan ialah pada Gred S9: RM3,020.00); atau</p> <p>(iii) Ijazah Kedoktoran dalam bidang Psikologi, Psikologi Klinikal atau Kaunseling yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.<br/>(Gaji permulaan ialah pada Gred S9: RM3,350.00).</p>   |
| SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU     | : | 2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  |
| SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN | : | <p>3. Pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Penolong Pegawai Psikologi adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Psikologi Gred S9, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:</p> <p>(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(a); atau<br/>(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan</p> <p>(b) had umur pelantikan:<br/>           (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau<br/>           (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau<br/>           (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.</p> |